

USIM gedung ilmu teras keislaman, bersepadu

Pendekatan diguna bagi lahirkan graduan miliki kepakaran serta penuhi keperluan industri semasa



Rencana ini sumbangan
Kementerian Pengajian Tinggi
dan diselenggarakan oleh
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

SEJAK bertukar nama daripada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), ramai lepasan sekolah menjadikan USIM sebagai pilihan utama memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Penukaran nama itu sangat wajar dan tepat pada masanya. Pertama, semua program ditawarkan di USIM untuk peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. USIM tidak menawarkan diploma ataupun sijil. Jika ada sekalipun penawaran diploma, ia diploma siswazah seperti Diploma Guaman Syarie dan Diploma Siswazah Penyalahgunaan Dadah atau Spada. Semua program ditawarkan mengikut garis panduan dan kelulusan pihak berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi.

Namun, pelajar, ibu bapa dan orang ramai termasuk masyarakat luar negara tertanya-tanya mengenai status universiti ini. Apakah ia setaraf dengan IPTA lain. Oleh itu, dalam usaha mempromosikan KUIM ke luar negara, kita banyak menghadapi masalah bagi menjelaskan kepada mereka kerana perbandingan dengan universiti lain atau Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sering dikemukakan.

Oleh demikian, penukaran nama ini bukan saja usaha daripada pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah USIM, malah ia adalah rancangan diusahakan pihak Kementerian Pengajian Tinggi sendiri kerana ingin melihat USIM bersaing seperti universiti lain di negara kita.

Alhamdulillah, dengan penukaran nama ini nampaknya USIM mula menjadi pilihan utama kepada pelajar bukan saja dari dalam, malah luar negara. Contohnya, pada masa ini pelajar bagi ijazah pertama sudah ada dari Asia Barat, negara Asean, Afrika dan China termasuk juga bagi program perpindahan kredit. Misalnya, pelajar dari Xian University sudah mengambil beberapa kursus dan sebaliknya pelajar USIM juga mengambil beberapa kursus perpindahan kredit di Xian University. Pada peringkat Ijazah Lanjutan, kini hampir 40 peratus adalah pelajar bukan warga negara.

Adakah penggunaan Kolej Universiti membataskan KUIM ketika itu untuk terus me-

WARTAWAN Berita Harian, Norliza Abdullah bersama Dr Sapora Sipon (USIM) mewawancara Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin mengenai universiti itu serta perancangan masa depannya.

Ya, ini seperti yang saya katakan, pelajar dan masyarakat dalam dan luar negara menghadapi sedikit keraguan mengenai universiti ini. Oleh itu, pelajar ini jika mempunyai peluang memasuki universiti, mereka mengutamakan universiti lain dulu dan selepas itu barulah ke KUIM. Maka, keputusan menukar nama ini satu langkah tepat yang dapat memberi keyakinan kepada masyarakat, pelajar serta warga USIM.

USIM seperti yang kita maklum adalah universiti Islam pertama ditubuhkan dan dimiliki kerajaan sepenuhnya dan kewujudan tertakluk mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti seperti IPTA lain. Semua program ditawarkan berteraskan Islam dengan disepadukan ilmu aqli seperti sains dan teknologi dengan menggunakan pendekatan dan teknologi terkini. Apabila anggapan dan keyakinan ini dapat diatasi menerusi penukaran nama itu, maka aktiviti ilmiah dan bukan ilmiah dapat diperkenalkan dengan mudah. Begitu juga ia dapat diterima masyarakat dalam dan luar negara dengan mudah sekali.

Apakah gabungan pengajian sedemikian dapat melahirkan graduan lebih seimbang dan berdaya saing.

Pendekatan bersepadu antara ilmu nakli dan aqli - teori dan amali serta menonjolkan ilmu dan disiplin tradisi Islam dalam pendekatan kontemporari menjadikannya diterima bukan saja masyarakat Islam, malah bukan Islam sebagai satu alternatif menyelesaikan isu masyarakat dan seterusnya memajukannya.

Lebih-lebih lagi pendekatan ini dibuat dalam bentuk yang mengambil kira keperluan tempatan dan global menerusi teknologi terkini. Ia adalah disiplin ilmu, pendekatan yang saling melengkapi bagi membangunkan modal insan yang serba boleh, seimbang spiritual dan fizikalnya. Diharapkan graduan yang keluar bukan saja luas pengetahuannya, malah mempunyai keupayaan bersaing dalam arus perdana negara dan global dengan minda yang tinggi dan terbuka.

Adakah semua program dilaksanakan secara bersepadu.

Adalah menjadi dasar di USIM seperti yang saya katakan di atas bahawa pendekatan bersepadu merentasi semua disiplin ilmu ditawarkan USIM. Sebagai contoh, di Fakulti Syariah dan Undang-undang,

dan undang-undang secara bersepadu dalam bentuk 'double major' bukan hanya menerusi kaedah teori, malah ditekankan aspek profesionalisme. Kualiti yang tinggi dan kemahiran semasa juga diberi keutamaan.

Dengan program bersepadu seperti ini matlamatnya untuk membentuk dan melahirkan graduan yang mempunyai kepakaran dan pengkhususan berkembar. Kedua-dua kepakaran ini perlulah diiktiraf oleh badan profesional. Selain itu, USIM juga mengutamakan penguasaan bahasa dan kurikulum berkembar dalam semua programnya. Pada masa ini, bahasa Arab dan bahasa Inggeris diwajibkan kepada semua mahasiswanya selain bahasa Malaysia. Suka saya menekankan bahawa USIM melaksanakan pendekatan ini merentasi semua program dan disiplin ilmu ditawarkan.

Adakah program ditawarkan USIM turut mengambil kira nilai tambah bagi sesuatu subjek dalam memenuhi keperluan industri semasa.

Semua program di USIM adalah berteraskan keislaman dan disepadukan dengan ilmu aqli termasuk bidang kritikal sains dan teknologi. USIM sedar bahawa program nilai tambah adalah sesuatu yang sangat penting bagi mahasiswa USIM kerana dengan ada nilai tambah ini, membolehkan mahasiswa USIM dipandang seperti juga mahasiswa dari universiti lain terutama nilai tambah dalam penguasaan bahasa. Menerusi nilai tambah ini akan membentuk sahsiah mahasiswa dan seterusnya membentuk keyakinan dan kebolehan mereka untuk berinteraksi dengan semua lapisan pada peringkat negara dan luar negara.

Nilai tambah lain yang dilaksanakan bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi adalah program kemahiran insaniah yang tidak hanya tertumpu kepada penguasaan kurikulum, malah peningkatan dan kemahiran dalam bidang ko-kurikulum. Kemahiran diri memahami keperluan pasaran, ketrampilan dan juga kebolehan untuk bersaing dalam pasaran memerlukan kepada nilai tambah dan juga kelebihan seseorang mahasiswa.

Adakah program nilai tambah ini dilakukan secara formal di USIM.

USIM melaksanakan program nilai tambah ini bukan saja secara



kita menghantar pelajar kita di dalam atau di luar negara bagi memperoleh sesuatu kemahiran dan juga latihan yang tidak ada dalam kelas di universiti. Sebagai contoh, pembelajaran bahasa Arab yang diperkenalkan di USIM adalah berbeza dengan pendekatan yang selalu diikuti pelajar. Pendekatan tradisional yang menekankan kepada hafalan, kefahaman tanpa menekankan kemahiran komunikasi dan juga penulisan menyebabkan bahasa ini tidak dapat dikaitkan dengan bahasa komunikasi atau sebagai bahasa ekonomi atau bahasa yang diperlukan dalam pelancongan. USIM dalam pendekatannya mendedahkan pelajar pada peringkat awal lagi.

Pada tahun dua, mereka perlu pergi ke industri bahasa atau tempat yang memerlukan bahasa Arab seperti di lapangan terbang dengan kerjasama agensi berkenaan, badan pelancongan dan Kementerian Pelancongan. Ini membolehkan pelajar berinteraksi dengan pelancong dari Asia Barat melalui proses awal hinggalah ke akhirnya. Ini juga membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan orang Arab sendiri.

Proses ini amat berkesan terutama dalam membina keyakinan diri untuk menggunakan bahasa Arab. Ini membolehkan mereka berinteraksi secara langsung menggunakan bahasa semasa yang digunakan pelancong. Di samping itu, bagi memperkukuhkan pelajar ini untuk terus menguasai bahasa, maka pelajar juga diprogramkan untuk pergi ke pusat

“USIM melaksanakan program nilai tambah ini bukan saja secara formal dalam dan luar kelas, malah kita menghantar pelajar di dalam atau di luar negara bagi memperoleh sesuatu kemahiran dan juga latihan yang tidak ada dalam kelas di universiti”

Dr Abdul Shukor Husin
Naib Canselor USIM

dan. Begitu juga dengan program bahasa Inggeris, pelajar dihantar ke luar negara untuk membolehkan mereka meningkatkan keyakinan dan penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik.

Mengapa USIM menghantar pelajar ke universiti luar negara dalam usaha memperkasakan penguasaan bahasa di kalangan pelajarannya.

Seerti yang saya nyatakan tadi, ini adalah satu pendekatan baru dilaksanakan di USIM dalam usaha

nguasai bahasa sama ada bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Di samping itu, perkara yang sangat penting juga ialah mengusahakan pengantarabangsaan universiti dan juga pelajar kita pada peringkat global.

Pada masa ini, USIM mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti di Barat, Asia Barat dan China melalui pertukaran pelajar, tenaga pengajar dan program perpindahan kredit khusus dalam bahasa Arab dan Inggeris di samping beberapa kursus lain. Seterusnya untuk menilai program ditawarkan di USIM dan pelajarannya yang mengikuti program ini, apakah ia setanding dengan pelajar universiti di luar negara.

Jika pelajar kita mempunyai kemampuan mengikuti program di universiti luar negara secara perpindahan kredit atau lain-lain dengan jayanya, ini memberikan satu petunjuk bahawa program yang kita tawarkan di USIM dan pelajar yang mengikuti program ini setanding dengan program serta pelajar di universiti lain. Selain itu, ia mendedahkan pelajar kita untuk memahami budaya dan interaksi lebih luas dengan pelajar luar negara. Ini memberi impak kepada pendekatan dan cara mereka belajar berbanding dengan universiti di luar negara.

Apakah USIM lebih mengutamakan bahasa Arab dan Inggeris.

Setiap disiplin ilmu harus diperoleh, difahami, dikaji menerusi sumber dan bahasa asalnya kerana keyakinan dan kepuasan penguasaan sesuatu disiplin ilmu akan lebih jitu dan diyakini apabila seseorang itu mempunyai kebolehan dan penguasaan bahasa yang baik bagi sesuatu bidang ilmu yang dipelajari dan dikuasainya.

Contohnya, adalah sukar dinafikan keperluan bahasa Arab bagi sesiapa yang ingin mendalami ilmu Islam atau yang berkaitan dengannya. Sumber asal ilmu ini dihasilkan dalam bahasa Arab, malah al-Quran dan hadis adalah teras dan sumber ilmu dalam Islam yang kedua-duanya dalam bahasa Arab.

Oleh itu, kita tidak dapat mengelak daripada menguasai ilmu menerusi bahasa asalnya, begitu juga dengan ilmu lain dan juga bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Mandarin dan lain-lain. Penguasaan pelbagai bahasa seperti yang saya nyatakan adalah satu nilai tambah yang sangat penting bagi meningkatkan pembentukan sahsiah, pembinaan komunikasi yang berkesan dan seterusnya memberikan keyakinan diri serta keupayaan bersaing dalam pasaran dunia hari ini. Namun, suka saya nyatakan bahawa USIM tidak pernah mengabaikan tanggungjawab untuk mendaulatkan bahasa ibunda serta menjadikannya bahasa ilmu menerusi pelbagai kegiatan ilmiah dan aktiviti